



21 September 2021
21 September 2021
P.U. (A) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKERJAAN SENDIRI (KADAR CARUMAN
BAGI ORANG YANG MENJALANKAN PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN DAN PENGHANTARAN BARANGAN
ATAU MAKANAN) 2021

*SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY (RATES OF
CONTRIBUTION FOR PERSON CARRYING OUT SERVICE OF
CARRIAGE AND DELIVERY OF GOODS OR FOOD)
REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI
(KADAR CARUMAN BAGI ORANG YANG MENJALANKAN PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN DAN PENGHANTARAN BARANGAN ATAU MAKANAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 83(2)(h) Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [*Akta 789*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Kadar Caruman bagi Orang yang Menjalankan Perkhidmatan Pengangkutan dan Penghantaran Barangan atau Makanan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.

Kadar caruman

2. (1) Tiap-tiap orang yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan hendaklah membayar suatu caruman kepada Pertubuhan atau mana-mana ejen keselamatan sosial pekerjaan sendiri pada kadar sebagaimana yang dipilih oleh orang itu berdasarkan pendapatan bulanan pilihan yang diinsuranskan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Orang yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah merupakan orang yang—

(a) menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 9 Jadual Pertama kepada Akta; dan

(b) dalam hal orang yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan dengan menggunakan kenderaan motor, mempunyai—

(i) lesen memandu yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]; dan

(ii) apa-apa lesen atau kebenaran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan perkhidmatan atau kenderaan motor itu, jika berkenaan; atau

(c) dalam hal orang yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan dengan menggunakan pengangkut lain, mempunyai apa-apa lesen atau kebenaran yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan perkhidmatan atau pengangkut itu.

(3) Tempoh perlindungan bagi kadar caruman yang dipilih oleh orang yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan di bawah subperaturan (1) hendaklah bagi tempoh dua belas bulan berturut-turut.

(4) Jika dalam tempoh perlindungan yang disebut dalam subperaturan (3), kesahan lesen memandu yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau apa-apa lesen atau kebenaran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan yang disebut dalam perenggan (2)(b) atau (c) kepada orang yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan itu habis tempoh,—

(a) tempoh perlindungan itu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tempoh dua belas bulan berturut-turut itu habis; dan